

Ruangan Hadith:

Kesan Niat Dalam Amalan

Niat adalah sebagai anak kunci bagi seseorang manusia memasuki pintu amalannya sama ada amalan-amalan itu berupa ibadah atau keduniaan. Berniat ertinya berqasad atau bertujuan untuk melakukan sesuatu amalan atau pekerjaan. Tempat niat itu ialah di dalam hati, oleh itu tiada seorang manusia pun yang dapat mengetahui niat yang tersemat di dalam hati seorang manusia yang lain. Kesan amalan seseorang itu adalah bergantung di atas niatnya. Kalau niatnya itu suci, bersih, maka hasil dari amalan yang akan dicapainya bersih pula. Begitulah sebaliknya kalau niat seseorang itu jahat, maka hasil dari amalan yang akan diperolehinya buruk pula padahnya.

Untuk mengetahui lebih lanjut tentang niat dan kesan-kesannya di dalam sesuatu amalan, maka silalah ikuti sebuah hadith dan huraian yang kita bentangkan di bawah ini.

‘An ‘Umara bin al-Khattābi raḍiya Allāhu ‘anhu qāla: Sami‘tu Rasūla Allāhi ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallama yaqūl: “Innamā al-a‘mālu bi al-niyyāt, wa innamā li kulli imri’in mā nawā, fa man kānat hijratuhu ilā Allāhi wa rasūlihi fa hijratuhu ilā Allāhi wa rasūlih, wa man kānat hijratuhu ilā dunyā yuṣībuhā awi imra’atin yunkihuhā fa hijratuhu ilā mā hājara ilayh (Hadith sahih).

Ertinya: Daripada ‘Umar bin al-Khattāb raḍiya Allāhu ‘anhu berkata ia: Saya pernah mendengar Rasulullah (S.A.W) bersabda: Bahawasanya semua amal perbuatan itu dengan niat, dan bahawasanya bagi tiap-tiap seorang itu menurut apa yang ia niatkan. Maka barang siapa yang hijrahnya (berpindah) kepada Allah dan rasul-Nya, maka hijrahnya itu kepada Allah dan rasul-Nya, dan barang siapa yang hijrahnya kepada dunia yang ia ingin untuk memperolehinya atau kepada perempuan yang ia akan mengawininya, maka hijrahnya itu terpulang kepada apa yang ia hijrah kepadanya.”

Huraiannya

Apabila kita melihat seseorang memberi sedekah kepada seorang yang susah hidupnya, maka kita katakan orang itu pemurah, padahal di sebalik hati orang yang memberi sedekah itu ada tersembunyi satu tujuan lain, umpamanya untuk mencari nama ataupun untuk mendapat keuntungan daripada orang yang diberikannya sedekah tadi.

Kemudian kita melihat pula seorang lain memberi sedekah, tetapi di hatinya tidak ada terlintas sedikit pun untuk mencari nama atau meminta pembalasan, ia bersedekah semata-mata kerana Allah dan mengharapkan keredaan-Nya. Perbuatan yang dilakukan oleh dua orang itu adalah sama iaitu bersedekah. Tetapi pembalasan yang akan diterima oleh kedua-dua orang itu ada berlainan. Orang yang pertama akan menerima mutu pembalasan sedekah yang rendah tak berharga kerana niatnya sewaktu mengeluarkan sedekah tadi adalah tidak

bersih, lantaran untuk mencari nama atau untuk mendapatkan faedah dunia yang sedikit, kalau tidak kerana faedah-faedah tersebut, maka ia tidak mahu bersedekah.

Bersalahan dengan orang yang kedua ia akan menerima mutu pembalasan yang tinggi mulia, kerana perbuatan sedekah yang dilakukannya itu adalah terbit daripada lubuk hatinya yang suci bersih, semata-mata kerana Allah, semata-mata kerana didorong oleh perasaan kasih sayang dan bertimbang rasa terhadap sesama manusia serta mengharapkan keredaan daripada Allah.

Berhubung dengan perkara tersebut maka Allah ada berfirman di dalam sūrat al-Baqarah ayat (265) yang berbunyi: “Wa mathalu alladhīna yunfiqūna amwālahum ibtighā’i mardāti Allāhi wa tathbītan min anfusihim ka mathali jannatin bi rabwatin aṣābahā wa abilu fa ātat ukulahā ḍi‘fayn, fa inna lam yuṣībuhā wa ābilun fa ṭall, wallāhu bimā ta‘lamūna baṣīr. Ertinya: (Dan bandingan orang-orang yang membelanjakan harta-harta mereka

kerana hendak mencari keredaan Allah dan dengan keyakinan yang tetap dari diri mereka, adalah seperti suatu kebun di tanah yang subur, yang ditimpa hujan lebat lalu mengeluarkan hasilnya yang berlipat ganda. Jika tidak kerana hujan lebat menyimpannya maka hujan gerimis pun memadai, dan Allah itu melihat segala sesuatu yang kamu kerjakan).

Adapun sifat orang yang pertama Allah ada menyatakan di dalam al-Qur'ān sūrat al-Baqarah ayat (264) yang berbunyi: *“Yā ayyuhā alladhīna āmanū lā tubtīlū sadaqātikum bi al-manni wa al-adhā ka alladhī yunfiqu mālahū ri'ā'a al-nāsi wa lā yu'minu billāhi wa al-yawmi al-ākhir; fa mathaluhu ka mathali ṣafwānin 'alayhi turābun fa aṣābahu wābilun fa tarakahū ṣaldan lā yaqdirūna 'alā shay'in mim mā kasabū, wallāhu lā yahdi al-qawma al-kāfirīn”*. Ertinya: (Hai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu batalkan pahala sedekah kamu dengan bangkitan dan gangguan sebagaimana orang yang membelanjakan hartanya dengan riak terhadap manusia dan orang yang tidak beriman kepada Allah dan Hari Kiamat. Maka bandingannya adalah seperti sebuah batu licin yang di atasnya ada pasir lantas ia ditimpa hujan lebat maka tinggallah (jadilah) ia licin. Mereka tidak akan mendapat sesuatu pahala dari apa yang telah mereka kerjakan. Dan Allah tidak memberi pertunjuk terhadap kaum yang kafir).

Kesimpulannya! Orang-orang yang bersedekah membelanjakan harta bendanya kerana semata-mata mencari keredaan Allah, maka keadaan mereka diibaratkan sebuah kebun yang terletak di atas tanah yang subur, kemudian kebun itu ditimpa

oleh hujan yang lebat lalu dalam masa yang singkat sahaja ia dapat mengeluarkan hasil yang banyak berlipat-lipat ganda, sekalipun kebun yang subur itu hanya ditimpa oleh air hujan yang turun rintik-rintik namun begitu ia tetap selamanya subur.

Adapun orang-orang yang bersedekah dan membelanjakan harta bendanya semata-mata kerana riak supaya dipuji oleh orang ramai, maka amalan sedekahnya itu adalah ibarat setompok pasir yang terletak di atas sebuah batu yang licin, kemudian batu itu ditimpa hujan yang lebat sehingga menerbangkan pasir yang terletak di atasnya tegasnya mereka tidak mendapat apa-apa pahala dari amalan sedekah yang mereka lakukan itu.

Begitu pula halnya dengan dua orang yang mengerjakan sembahyang. Orang yang pertama mendirikan sembahyang benar-benar kerana bertujuan untuk menunaikan perintah Allah. Tetapi orang yang kedua mendirikan sembahyang semata-mata riak supaya dipuji-puji oleh orang lain. Adakah darjat sembahyang kedua-duanya itu sama? Tentu sekali tidak. Darjat pahala yang akan diterima oleh kedua-dua orang itu adalah bergantung kepada niat hatinya. Kalau niat hatinya bersih ia akan menerima pembalasan yang baik, kalau niat hatinya kotor, ada udang di sebalik batu maka ia akan menerima pembalasan sebaliknya.

Inilah dia tujuan lafaz hadith yang mengatakan: “Bahawasanya semua amal perbuatan itu dengan niat”. Darjat pahala yang akan diberikan kepada tiap-tiap seorang yang beramal itu adalah tergantung di atas niat yang tersemat

di dalam hatinya, kalau niatnya bersih maka ia akan diberi pahala dan jika niatnya kotor maka ia akan menerima dosa.

Penjelasan

Dari hadith di atas dapatlah kita suatu penjelasan, bahawa tiap-tiap perbuatan seseorang itu adalah menurut apa yang diniatkan olehnya. Dan dengan demikian dapatlah kita suatu pengertian bahawa keadaan “niat” yang diniatkan oleh seseorang itu bertingkat-tingkat atau tidak sama tingkatan darjatnya.

Sebagai bukti di dalam hadith tersebut telah dijelaskan dengan nyata: “Bahawa barang siapa yang hijrahnya kepada Allah dan kepada rasul-Nya; maka hijrahnya itu kembali kepada Allah dan rasul-Nya.”

Kemudian dijelaskan pula: “Barang siapa yang hijrahnya kepada dunia yang ia akan memperolehnya atau kepada perempuan yang ia akan mengawininya, maka hijrahnya itu kembali kepada apa yang ia hijrah kepadanya”

Tegasnya, hijrah atau berpindah dari Mekah ke Madinah atau berpindah dari negara kafir ke negara Islam itu adalah suatu amal perbuatan yang diperintahkan oleh Allah kepada kaum Muslimin, di zaman Rasulullah (S.A.W) oleh yang demikian maka perintah itu wajib dilakukan oleh kaum Muslimin dan sewaktu mereka melakukan hijrah itu hendaklah dengan niat hanya semata-mata untuk menunaikan perintah Allah dan rasul-Nya, jangan kerana yang lain. Akan tetapi kerana ada di antara orang-orang Muslimin yang berhijrah itu dengan niat yang lain,

